



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **10 Sep2021 (Friday)**

### **Berita Harian**

Dana RM1.43b atasi anjir pulihara sungai di Johor 1

### **Utusan Malaysia**

Orang Asli Temuan 'tundukkan' Kerajaan Selangor 2

HSKLU: Perjelas kawasan pembinaan laluan ECRL 3

Berlaku adillah l kepada institusi zakat 4

### **Sinar Harian**

33 perkara yang berlaku sepanjang 100 hari pelaksanaan PKP 3.0 5

Keputusan warta semula HSKLU bukti Kerajaan Selangor dengar keluhan rakyat 6

Kemenangan untuk rakyat dan Negeri Selangor 7

MAIS salur dana bantu 565 keluarga 8

Selangor bakal ubah SOP pelancongan 9

### **Nasional FM (87.7)**

Hanya 42 Hektar Kawasan HSKLU Kekal Dinyahwarta 10

### **The Sun**

Decision on forest reserve hailed 11

Halal industry key feature in National Recovery Plan 12

### **EdgeProp.my**

Kuala Langat North Forest Reserve degazettement reduced to 42ha 13

### **Traxx FM (90.3)**

Hanya 42 Hektar Kawasan HSKLU Kekal Dinyahwarta 14

Hanya 42 Hektar Kawasan HSKLU Kekal Dinyahwarta 15

### **Sin Chew Daily**

Selangor Executive Council decided to re-gazette the Kuala Langat forest reserve 16

### **Guang Ming Daily**

Elizabeth Wong praises Selangor government over wise decision to listen to the society's voice to protect forest reserves 17

Pasar booths closed; DAP Sekinchan service team withdraws as NRP is now in stage 2 18



**KERATAN AKHBAR**  
**10 September 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Dana RM1.43b atasi anjir pulihara sungai di Johor
Muka Surat	:	23

# Dana RM1.43b atasi banjir, pulihara sungai di Johor

## KASA fokus pelaksanaan 15 projek pembangunan di lokasi sasaran

Oleh **Essa Abu Yamin**  
 bhnews@bh.com.my

**Batu Pahat:** Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menumpukan pelaksanaan 15 projek pembangunan membabitkan kos RM1.43 bilion untuk kurangkan risiko banjir, pemuliharaan su-

ngai serta hakisan pantai di Johor. Menteri, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata usaha itu meliputi 13 projek sambungan dan dua projek baharu yang sebahagiannya adalah kesinambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

"Daripada peruntukan itu, RM81.3 juta untuk projek mengurangkan risiko banjir termenung di Batu Pahat.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan Projek Menaik Taraf Sistem Mesra Alam (SMA) bernilai RM32.8 juta bagi mengatasi banjir akibat sistem saliran tidak sempurna dan fenomena air pasang besar," katanya.

Bercakap demikian kepada

pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Kampung Parit Basri, Sri Medan, dekat sini, semalam, Tuan Ibrahim berkata, dua projek menaik taraf sistem saliran Sungai Suloh dan Peserai di Batu Pahat juga sedang dilaksanakan.

"Selain itu, RM48.5 juta bagi projek RTB Sungai Batu Pahat yang dalam proses prapelaksanaan. Pelantikan kontraktor akan dilakukan tahun depan dan projek itu dijangka siap dalam tempoh tiga tahun, akan mengurangkan risiko banjir termenung jika hujan lebat di Sri Medan, hulu Chaah dan Segamat serta kejadian air pasang besar," katanya.

Secara keseluruhan, beliau



Tuan Ibrahim (tengah) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Medan, Datuk Zulkurnain Kamisan (kanan) dan Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir Nor Hisham Mohd Ghazali melihat keadaan Sungai Simpang Kiri, Sri Medan, semalam. (Foto BERNAMA)

berkata, pelaksanaan projek terbabit memberi manfaat kepada 10,120 penduduk di Batu Pahat yang sering mengalami masalah banjir termenung, selain dapat mengelakkan kerugian peladang kelapa sawit di sekitar kawasan berisiko yang tidak dapat mengutip hasil jika banjir.

Dalam pada itu, katanya, perubahan angin monsun ketika ini menjadi faktor kejadian hujan lebat tanpa dijangka sehingga mengakibatkan banjir di beberapa negeri di Malaysia.

Beliau juga menyambut baik

keputusan kerajaan Selangor menghentikan cadangan pelan pembangunan di Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara (HSK-KLU) serta membatalkan pemberi milikan tanah kepada syarikat terbabit.

"KASA sendiri berharap kawasan tadahan air dapat dipelihara dan negara masih mengekalkan 55 peratus hutan di Malaysia.

"Sebahagian kerajaan negeri ada yang telah mematuhi had tebatan ditetapkan oleh kementerian," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Orang Asli Temuan 'tundukkan' Kerajaan Selangor
Muka Surat	:	2



**Minda Pengarang**  
TEON EG

## *Orang Asli Temuan 'tundukkan' Kerajaan Selangor*

TAHNAH Orang Asli Temuan di Kuala Langat akhirnya perjuangan mereka membuahkan hasil yang benar-benar buka mata bukan sahaja buat Kerajaan Selangor malah kepada negeri-negeri lain agar tidak sesuka hati menunjukkan 'kuasa'.

Sebaik sahaja Selangor mengisytiharkan nyahwarta kawasan seluas 536.7 hektar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU), Orang Asli yang mendiami Kampung Bunut Baru dan Kempas di Kuala Langat tidak berdiam diri tetapi bangkit memperjuangkan.

Perjuangan etnik pribumi itu yang bukan sahaja untuk hak mereka tetapi buat seluruh penduduk Selangor yang bakal terjejas ekosistem jika pembangunan dirancang benar-benar menjadi kenyataan.

Akhirnya dalam tempoh tidak sampai 10 hari pengumuman nyahwarta, kelmarin Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menarik balik keputusan yang didakwa dibuat mengikut prosedur dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sekitar Mei lalu.

Lebih memberi kemenangan apabila Amirudin berjanji bahawa kawasan gantian kepada HSKLU yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal seluas 1,436 ekar di Sungai Panjang, Ampang Pechah dan Bukit Broga terus dikekalkan statusnya.

Diharapkan ketenangan HSKLU berkekalan dan tidak ada lagi pihak yang cuba-cuba melenyap khazanah negara yang bukan sahaja disayangi Orang Asli tetapi lebih penting mengekalkan ekosistem Selangor agar tidak ditimpa bencana alam.

Malah kerajaan Selangor harus bersimpati kepada spesies haiwan liar unik yang dilindungi seperti beruang matahari, tupai terbang dan ikan laga langat merah untuk terus mendiami kawasan tersebut.

Justeru, isu nyahwarta HSKLU mungkin benar 'misteri' sehingga Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin tampil menafikan baginda mempunyai hubungan dengan pemaju yang terlibat dalam projek pembangunan di situ.

Menerusi penafian tersebut, Tengku Amir mengepulkan gambar baginda menaiki perahu menyusuri sebatang sungai. Gambar tersebut membuktikan Raja Muda sangat menghargai hutan dan bukan memusuhi anugerah semula jadi.

Susulan itu, seruan beberapa pihak yang mencadangkan agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasiat punca di sebalik keputusan nyahwarta HSKLU mungkin ada kewajaran.

Antara perkara 'misteri' ialah mengapa keputusan MMKN dibuat seperti bersembunyi dan tergesa-gesa dan adakah keputusan tersebut mendapat sokongan semua Exco?

Apakah pertimbangan MMKN di sebalik 45,000 individu menandatangani usul bantahan terhadap pewartaan untuk mengeluarkan sebahagian HSKLU?

Selain itu, apakah latar belakang pemaju bertuah yang diluluskan pembermilikan di kawasan nyahwarta HSKLU tersebut? Kini terserah kepada SPRM dan kerajaan negeri untuk menjawab persoalan dan menjelaskan kekaburan tersebut.

**Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 10 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	HSKLU: Perjelas kawasan pembinaan laluan ECRL
Muka Surat	:	9

### HSKLU: Perjelas kawasan pembinaan laluan ECRL

**KUALA LANGAT:** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari diminta menjelaskan mengenai penyahwartaan sebahagian kecil Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) bagi pembinaan laluan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Projek ECRL sebelum ini dimaklumkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong diubah kembali ke laluan Gombak selepas kerajaan Perikatan Nasional (PN) memerintah sejak Februari tahun lalu.

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli (MPKOA) Busut Baru, Samsul Semin, hal itu perlu dijelaskan supaya tidak timbul lagi isu pencerobohan 40 hektar tanah yang pernah berlaku pada tahun 2000.

"Kerajaan negeri kena jelaskan dekat kawasan mana yang dikatakan akan dikhaskan untuk laluan ECRL. Sebab Kerajaan Persekutuan sebelum ini memaklumkan laluan sudah dipindahkan ke pelan asal.

"Kami kkuatir bila kerajaan negeri sudah mewartakan semula HSKLU, disebabkan wujud nyahwarta sebahagian kecil nanti lama kelamaan lebih banyak kawasan diceroboh oleh pihak tak bertanggungjawab," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas pengumuman Amirudin untuk mewartakan semula kawasan hutan paya gambut yang menjadi tempat tadahan air hujan.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Amirudin dalam kenyataan sebelum ini mengumumkan untuk mewartakan semula HSKLU selepas keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) kelmarin.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR 10 September 2021

Akhtar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Berlaku adillah I kepada institusi zakat
Muka Surat	:	24

**UTUSAN: Institusi zakat** menghadapi cabaran besar dalam era pandemik Covid-19. Hal utama kebimbangan mereka ialah, apakah jaminan bahawa institusi zakat dapat menghadapi kelestarian semasa menghadapi para asnaf?

**DR. CAHARULLAHUDDIN:** Sebagai pejabat korporat, saya percaya bahawa institusi zakat akan menghadapi cabaran yang lebih besar berbanding dengan sektor swasta. Oleh itu, kita perlu bersedia dengan strategi yang tepat untuk menghadapi cabaran ini.

**DR. CAHARULLAHUDDIN:** Sebagai pejabat korporat, saya percaya bahawa institusi zakat akan menghadapi cabaran yang lebih besar berbanding dengan sektor swasta. Oleh itu, kita perlu bersedia dengan strategi yang tepat untuk menghadapi cabaran ini.

### Sudah sekian lama santuni para asnaf **Berlaku adillah kepada institusi zakat**

**MUKADIMAH**  
 Institusi zakat di Malaysia turut terkesan dengan pandemik Covid-19. Selain berhadapan dengan jumlah asnaf yang semakin meningkat, institusi zakat juga menghadapi cabaran dalam menguruskan perolehan zakat. Oleh itu, institusi zakat perlu bersedia dengan strategi yang tepat untuk menghadapi cabaran ini.

**Wartawan, MOHD. RAZI MOHD. ZIN** memulau Pengarah Urusan Mawani Tahir di Quran di Institut Iqbal, Shah Alam, Selangor. **DR. CAHARULLAHUDDIN** di bagi mengulas isu ini.

Bekas adalah bekas Prof. Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (AKIS), Universiti Teknologi Mara (UTM) dan juga bekas Ketua Pusat Zakat, Sedekah dan Waqaf, LITM Shah Alam.



**“** Walaupun dinyatakan zakat sebagai instrumen membantu ekonomi para asnaf, zakat tetap hanya salah satu instrumen dalam skim **takaful jittima** masyarakat Islam.”

**peraturan zakat RM60 juta** yang merupakan jumlah zakat yang diterima oleh institusi zakat negeri lain turut menimbulkan perkara yang sama.



**LEMMAGA Zakat Selangor (LZS)** menyerahkan 7,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) bernilai RM385,000 kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAKIS) bagi kegiatan pelbagai-pelbagai pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor, Ogos lalu.



**ANTARA usaha Pusat Pengurusan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan dalam membantu Kamran Zakat Bersejarah menggalakan khidmat pelakon tanah... USIAH PPT/MANAMAD AMIRU MOHD. BOSIDI**

Dalam musim pandemik, pejabat zakat berhadapan dengan cabaran yang lebih besar berbanding dengan sektor swasta. Oleh itu, kita perlu bersedia dengan strategi yang tepat untuk menghadapi cabaran ini.

**“** Walaupun dinyatakan zakat sebagai instrumen membantu ekonomi para asnaf, zakat tetap hanya salah satu instrumen dalam skim **takaful jittima** masyarakat Islam.”

**peraturan zakat RM60 juta** yang merupakan jumlah zakat yang diterima oleh institusi zakat negeri lain turut menimbulkan perkara yang sama.

**LEMMAGA Zakat Selangor (LZS)** menyerahkan 7,000 set peralatan perlindungan diri (PPE) bernilai RM385,000 kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAKIS) bagi kegiatan pelbagai-pelbagai pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor, Ogos lalu.

### Ada kaedah agih wang zakat

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”

**“** Dari segi hukum fiqh, dibolehkan untuk pihak pengeluar atau pembayar zakat (**muakkil**) membuat agihan terus kepada asnaf yang layak.”




**PENGUSHA MAMPU, Gajah Dr. Mohd. Daud Bakar menyumbangkan sumbangan dalam program Gerobok Rokok MAMPU di Sekolah Rendah Kebangsaan Kepong, Ogos lalu.**



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	33 perkara yang berlaku sepanjang 100 hari pelaksanaan PKP 3.0
Muka Surat	:	4

# 33 perkara yang berlaku sepanjang 100 hari pelaksanaan PKP 3.0



**T**anpa sedar, sudah satu tahun 10 bulan negara kita dilanda pandemik Covid-19 sejak ia mula merebak pada bulan Disember 2019 di Wuhan, China.

Kes pertama di Malaysia telah di-sahkan pada 25 Januari 2020 melibatkan para pelancong dari China yang tiba di Johor melalui Singapura.

Walaupun kes-kes yang dilaporkan pada awalnya terbatas kepada beberapa kes-kes yang diimport, beberapa kluster tempatan telah muncul pada bulan Mac 2020.

Sejak itu beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibuat sehingga PKP 3.0 yang bermula pada 1 Jun lalu.

Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kerajaan terpaksa melaksanakan sekatan pergerakan penuh atau dikenali *total lockdown* susulan peningkatan kes yang mencecah 9,020 kes pada 29 Mei lalu.

Pada Rabu bersamaan 8 September 2021, tempoh PKP 3.0 genap 100 hari pelaksanaannya.

Yang pasti terlalu banyak perkara yang terlalu berlaku dalam tempoh 100 hari ini.

Daripada kemunculan varian Delta, kempen bendera putih, pelbagai cabaran dalam program vaksinasi, peningkatan kes sehingga lebih 20,000 dan penurunan kes tahap 4 dan 5.

Berikut sorotan 33 perkara yang telah berlaku sepanjang 100 hari pelaksanaan PKP 3.0:

**1** Kerajaan mewujudkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 hingga 4 sebagai strategi untuk keluar daripada kemelut pandemik Covid-19 yang melibatkan pelan peralihan secara berperingkat.

**2** Sebanyak 120 hotel terpaksa tutup operasi sejak Mac 2020.

**3** Kempen kibar bendera putih di kediaman rumah sebagai tanda seseorang itu dalam kesusahan dan memerlukan bantuan.

**4** Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) daripada kerajaan diumumkan pada 28 Jun.

**5** Bermula 1 Julai, antara kelonggaran yang didapati adalah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membenarkan majlis akad nikah dilaksanakan.

**6** Pada 9 Julai, Jawatankuasa Khas Jaminan Bekalan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) memaklumkan bekas pesakit Covid-19 iaitu individu yang pulih daripada jangkitan virus tersebut tidak lagi perlu menunggu selama tiga bulan untuk menerima suntikan vaksin.

**7** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mendedahkan mengikut data pada bulan Jun 2021, 91 peratus kluster di Selangor berpunca daripada tempat kerja iaitu 80 peratus kluster perkilangan dan 11 peratus kluster tapak binaan.

**8** Hantaran status bergambar bekas Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjadi tanda tanya dan dikaitkan dengan kebenaran beroperasi banyak sektor kilang. "Saya dah tutup pintu depan tapi ...." tulisnya di Facebook.

**9** Sistem kesihatan negara semakin merudum apabila kapasiti katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan wad Covid-19 di hospital di Lembah Klang telah melepasi had maksimum.

**10** Pada 13 Julai, negara mencatatkan kes Covid-19 melebihi 10,000 kes iaitu 11,079 buat pertama kalinya.

**11** Malaysia juga negara paling teruk dibadai Covid-19 di Asia Tenggara dalam kalangan satu juta penduduk.

**12** Selangor mencatat kadar pemberian vaksinasi paling tinggi di Malaysia sebanyak 2.3 juta dos sehingga 15 Julai.

**13** Pada 19 Julai, kerajaan melakukan perubahan prosedur operasi standard (SOP) seperti kehadiran di pejabat bagi sektor awam ditingkatkan kepada 40 peratus untuk Fasa 1 dan operasi premis perniagaan dibuka dari 6 pagi sehingga 10 malam bagi Fasa 2.

**14** Pada 21 Julai, pendaftaran bagi mendapatkan suntikan vaksin terhadap kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas telah dibuka melalui aplikasi MySejahtera.

**15** Kerajaan membenarkan penerima vaksin merakam video suntikan, manakala jururawat perlu menunjukkan picagari susulan kontroversi timbul penipuan suntikan vaksin kosong kepada



**MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

Selepas 100 hari, lebih 67 peratus orang dewasa di Malaysia telah divaksin selain Lembah Klang akhirnya beralih ke fasa dua.

masyarakat.

**16** Kes Covid-19 di Malaysia melepasi angka satu juta pada 25 Julai dengan angka keseluruhan adalah sebanyak 1,013,438 kes.

**17** Pada 5 Ogos, kes positif harian mencecah 20,000 buat pertama kalinya dengan angka 20,596 kes.

**18** Varian Delta dikesan menjadi penyebab berlakunya peningkatan kes.

**19** Jumlah kematian tertinggi direkodkan pada 8 Ogos iaitu sebanyak 360 kematian.

**20** Pada 12 Ogos, sebanyak 45 kluster baharu direkodkan memabatkan 30 kluster tempat kerja dan 11 kluster komuniti.

**21** 11 kegiatan ekonomi dibenarkan beroperasi dalam Fasa 1 PPN berkuat kuasa 16 Ogos iaitu kedai cuci kereta, gunting rambut, perabot, elektrik dan elektronik, barangan rumah, peralatan sukan, aksesori kereta, pengedaran dan jualan kereta, pasar pagi dan pasar tani, pakaian, fesyen dan aksesori serta barang kemas.

**22** Individu lengkap vaksinasi dibenarkan untuk *dine-in* atau makan di restoran di negeri Fasa 1 PPN berkuat kuasa 20 Ogos.

**23** Bulan Ogos merekodkan kes paling teruk Covid-19 di mana 24,599 kes harian tertinggi direkodkan pada 27 Ogos.

**24** Pada bulan Ogos, sebanyak 47.2 peratus dewasa lengkap divaksin melebihi nilai ambang yang ditetapkan pada Pelan Pemulihan Negara dan 28 juta suntikan dos vaksin telah diberikan di Malaysia.

**25** Pada 1 September, kes kembali melebihi 20,000 dengan 1,005 pesakit sedang dirawat di ICU dengan 464 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan.

**26** Terdapat peningkatan jangkitan dalam golongan muda seperti bayi dan kanak-kanak di mana sehingga 30 Mei, seramai 82,341 kanak-kanak telah dijangkiti Covid-19 iaitu peningkatan 10 kali ganda berbanding tahun 2020.

**27** 23,473 kes sembuh atasi kes baharu iaitu 20,988 kes direkodkan pada 3 September lalu.

**28** Setakat 4 September, sebanyak 67.4 peratus atau 15,772,760 daripada keseluruhan populasi dewasa di negara ini sudah lengkapkan dua dos vaksin.

**29** Sektor pelancongan dibuka semula kepada pelancong tempatan bermula 16 September di Pulau Langkawi, Kedah.

**30** Penggiat seni kreatif boleh beroperasi dan pawagam turut dibuka kepada individu lengkap divaksinasi bermula 9 September.

**31** Kementerian Sumber Manusia mempertimbangkan untuk mengambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994 terhadap pekerja yang enggan divaksin.

**32** Seramai 2,500 orang guru dikesan enggan menerima vaksin di seluruh Malaysia atas faktor kesihatan serta sebab-sebab lain.

**33** Selepas 102 hari, Selangor akan bertukar ke Fasa 2 bersama Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai hari ini dengan pelbagai kelonggaran termasuk kebenaran rentas daerah.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Keputusan warta semula HSKLU bukti Kerajaan Selangor dengar keluhan rakyat
Muka Surat	:	12

## Keputusan warta semula HSKLU bukti Kerajaan Selangor dengar keluhan rakyat

**SHAH ALAM** - Keputusan kerajaan negeri Selangor mewartakan semula Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) yang sebelum ini akan dibangunkan untuk projek komersial disifatkan sebagai satu perkembangan sihat dan mewujudkan keadaan menang-menang.

Felo Utama Lestari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo berkata, keputusan terakhir itu memberikan kelegaan kerana keluhan rakyat didengar.

"Bukan semuanya akan diwartakan semula tetapi sebahagian kecil akan diperuntukkan bagi penempatan orang asal dan jajaran lebuah raya.

Kedua-duanya untuk kepentingan awam. Kawasan yang hendak dibangunkan untuk projek komersial dibatalkan dan diwartakan semula.

"Kita bercakap mengenai kawasan hutan gambut yang sangat terhad di Selangor, kebanyakannya telah dibuka untuk pembangunan. Hutan gambut mempunyai fungsi penting untuk perkhidmatan alam sekitar dan kawalan banjir.

"Jaminan hutan gambut yang bakal diganti untuk diwartakan asal, diwartakan juga adalah satu tindakan proaktif yang bijak,"



**IBRAHIM**

katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada Rabu yang memaklumkan bahawa kerajaan negeri akan memulakan proses mewartakan semula HSKLU.

Kawasan gantian yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal seluas 581 hektar di Sungai Panjang, Ampang Pechah dan Bukit Broga akan kekal statusnya sebagai Hutan Simpan Kekal.

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, ketetapan yang dibuat kerajaan negeri itu adalah satu keputusan yang sukar.

"Saya fikir, kerajaan telah membuat keputusan yang sukar. Hutan yang telah dinyahwartakan, kini diwartakan semula. Ini satu tindakan yang sukar dan kerajaan Selangor telah menunjukkan keprihatinan tinggi," katanya.

Pada masa sama, beliau menegaskan sebarang isu alam sekitar memerlukan penglibatan pihak yang

tidak mempunyai kepentingan.

"Jika terdapat isu alam sekitar dan kelestarian, ulasan jabatan teknikal dan pakar yang tidak mempunyai kepentingan perlu diraih. Malah keputusan itu juga perlu memberikan perhatian tinggi kepada kepentingan awam," kata Ibrahim.



**Laporan Sinar Harian pada Khamis.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **10 September 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kemenangan untuk rakyat dan Negeri Selangor
Muka Surat	:	16

### **Kemenangan untuk rakyat dan Negeri Selangor**

**PENGUMUMAN** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada Rabu bahawa kerajaan negeri akan memulakan proses mewartakan semula Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) adalah kemenangan besar untuk rakyat dan negeri itu.

Dengan keputusan tersebut, kerajaan negeri akan menghentikan cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan terbabit dan membatalkan pembermilikan tanah itu kepada syarikat berkaitan.

Media sebelum ini melaporkan cadangan penyahwartaan HSKLU adalah bagi pelaksanaan projek pembangunan bercampur, namun mendapat bantahan pelbagai pihak kerana ia akan memusnahkan khazanah alam semula jadi di hutan simpan tersebut yang dianggarkan berusia 8,000 tahun. Ia adalah 'paru-paru hijau' terakhir di selatan Selangor.

Malangnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 5 Mei memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 dan disahkan pada 19 Mei.

Isu HSKLU adalah bukti jelas bahawa suara rakyat jika digembleng untuk kepentingan ramai akan membawa kesan mendalam dan positif dalam perjuangan. Ia dikuatkan lagi dengan peranan media yang turut membantu menyiarkan bantahan dan kepentingan awam, selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta aktivis yang bersatu tanpa jemu. Semuanya demi survival HSKLU.

Jelaslah, kesedaran rakyat dalam mempertahankan alam sekitar semakin tinggi. Pembangunan bukan bermakna mengorbankan alam semula jadi. Lebih tepat lagi, pembangunan dan infrastruktur di Selangor sudah cukup sempurna. Tidak perlu lagi membina apa-apa sehingga menjejaskan kelestarian hutan simpan. Adalah lebih baik memperbanyakkan lagi kawasan hijau untuk anak-anak kita.

Apa pun, kerajaan negeri juga wajar dipuji kerana telah meletakkan kepentingan rakyat dan memulihara alam sekitar di hadapan berbanding kepentingan komersial. Kerajaan yang mendengar keluh-kesah rakyat adalah kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab.

Kepada kerajaan tempatan dan kerajaan negeri yang lain, malah di peringkat persekutuan, ingatlah betapa pentingnya rakyat dirunding terlebih dahulu dalam apa jua keputusan besar kerana rakyat adalah pemegang taruh yang tidak patut dibelakangkan atau dipinggirkan.





## KERATAN AKHBAR 10 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MAIS salur dana bantu 565 keluarga
Muka Surat	:	25

### MAIS salur dana bantu 565 keluarga

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan peruntukan berjumlah RM56,500 kepada 565 keluarga terputus pendapatan di lima daerah di Selangor.

MAIS dalam kenyataannya memaklumkan, bantuan itu disalurkan bagi membantu keluarga terjejas meneruskan kehidupan dalam tempoh pandemik Covid-19.

Menurut kenyataan itu, daripada 565 keluarga itu, seramai 192 penerima dari daerah Petaling, Hulu Selangor (79), Gombak (104), Sabak Bernam (105) dan Klang (85).

“Bantuan yang mereka terima berbentuk makanan asasi seperti beras, minyak, gula, tepung dan sebagainya,” kata kenyataan itu menerusi status dimuat naik di Facebook rasmi MAIS pada Rabu.

Kenyataan itu memaklumkan, sebanyak 39 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) terdiri daripada masjid dan surau di lima daerah terlibat membantu MAIS menyalurkan sumbangan terus kepada penerima yang telah dikenal pasti.

“MAIS mengucapkan jutaan terima kasih kepada RSAFM yang banyak membantu dalam mengenal pasti mereka yang memerlukan bantuan terutamanya ketika PKP ini,” jelas kenyataan itu.

Selain itu, kenyataan itu memberitahu, MAIS juga mengucapkan terima kasih kepada semua pembayar fidyah di negeri Selangor.

“Semoga sumbangan yang diberikan ini dapat membantu meringankan bebanan mereka semua,” katanya.



Wakil MAIS (kiri) menyerahkan sumbangan kepada RSAFM untuk diagihkan kepada keluarga terjejas akibat pandemik Covid-19.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor bakal ubah SOP pelancongan
Muka Surat	:	25

# Selangor bakal ubah SOP pelancongan

Rakyat negeri ini diminta tunggu dahulu SOP baharu diumumkan MOTAC

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

**SHAH ALAM**

**K**erajaan Selangor masih menunggu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) yang baharu berikutan kebenaran merentas daerah bagi tujuan pelancongan yang dibenarkan bermula Jumaat.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, ini kerana kebenaran merentas daerah untuk melancong di negeri itu perlu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Menurutnya, rakyat Selangor juga dinasihatkan agar tidak terlalu ghairah dengan pengumuman kerajaan sebaliknya mereka perlu terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan MOTAC sebelum ini.



**LOY SIAN**



Majlis Penyampaian Kewangan *One Off* Secara Virtual kepada 17 pengusaha pelancongan di Selangor melalui Pakej Kita Selangor 2.0 di Facebook Tourism Selangor pada Khamis.

“Kita perlu menghormati dan juga mengikut SOP sedia ada sementara kita menunggu kenyataan MOTAC (mengenai SOP baharu) yang dijangka dikeluarkan pada hari ini atau esok.

“Selepas itu Tourism Selangor juga akan mempergiatkan kempen di mana kita akan mempromosikan produk pelancongan (dalam negeri),” katanya pada Majlis Penyampaian Kewangan *One Off* Secara Virtual di Facebook Tourism Selangor pada Khamis.

Pada majlis berkenaan, Loy Sian secara simboliknya turut menyerahkan cek bernilai

RM15,000 seorang kepada 17 pengusaha pelancongan di Selangor melalui Pakej Kita Selangor 2.0.

Pada Rabu, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya beralih ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa Jumaat dengan beberapa ke-longgaran, termasuk rentas daerah kepada mereka yang lengkap dua dos vaksin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam kenyataannya memaklumkan, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik Covid-19.

Dalam pada itu, Loy Sian berkata, Tourism Selangor akan merencanakan lagi kempen ‘Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!’ dalam masa terdekat ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**9 September 2021**

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Hanya 42 Hektar Kawasan HSKLU Kekal Dinyahwarta
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	The Sun
Tajuk Berita	:	Decision on forest reserve hailed
Muka Surat	:	3

# Decision on forest reserve **hailed**

■ BY **ELLY FAZANIZA**  
 newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** The Selangor government's decision to significantly scale down the degazettement of the Kuala Langat North Forest Reserve has eased most of the anxiety of environmentalists.

Pertahankan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (PHSKLU) spokesman Suresh Kumar described it as a "victory for the people", while Eco-tourism and Conservation Society Malaysia president Andrew J. Sebastian said it showed that the government had listened.

Nonetheless, both agreed that areas of concern remained, particularly the alignment of the East Coast Rail Link (ECRL) project close to the fringes of the forest reserve.

Suresh said the PHSKLU, a coalition set up to campaign for the

➤ Describing it as victory for the people, environmentalists say govt has listened

preservation of the forest reserve, regarded the change of heart by the Selangor government as good news.

"Of course the decision still has to be gazetted and we expect it to happen in December, taking into account that the degazettement was only made on Aug 12," he told *theSun*.

An earlier decision by the state government to degazette all of the 536.6ha forest reserve for mixed development drew public ire and protests.

However, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari announced on Wednesday that only 42ha of forest reserve would be degazetted.

He said the land would be allocated to residents of Kampung Orang Asli Busut Baru, who were forced to relocate to make way for the construction of the KL International Airport in 1994, and a smaller parcel of the land would be reserved for the realignment of the ECRL.

He also gave an assurance that his administration would put a stop to plans for development beyond the stated areas.

Sebastian, who expressed euphoria over the latest move by the Selangor government, said the state had made the right move.

"We are also humbled by the public support, particularly those

who rallied behind the cause to protect the forest reserve," he added.

However, Suresh and Sebastian said the state government will have to be clear about the decision to hold a parcel of the land for the ECRL.

Suresh pointed out that the federal government had already decided to align the rail to Serendah, a distance of 50km away from Hulu Langat, so there is no reason for such a provision.

"We will continue to monitor the situation," he said.

He said if the realignment does not materialise, the rail would run on the fringes of the forest reserve.

Sebastian said that rather than allow the ECRL to pass by the forest reserve, the land could be better used for agriculture purposes by the local community.

"We hope it will be officially stated and gazetted for the sake of the Orang

Asli's right to new opportunities without being harassed," he said.

Legal expert Datuk Kamaruddin Ahmad told *theSun* that if the ECRL project proceeds as originally planned and passes even the fringes of the forest reserve, the federal government will have to produce an environmental impact assessment report.

"If this is not done, the community can apply for a court order to declare it null and void," he said.

"Failure to do so is an offence under the Environmental Quality Act 1974."

He cited the example of the Kedah government's decision to allow logging in a forest reserve 15 years ago.

"The stakeholders, including villagers, filed a court order to stop the activities and were compensated," he added.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	The Sun
Tajuk Berita	:	Halal industry key feature in National Recovery Plan
Muka Surat	:	10

# Halal industry key feature in National Recovery Plan

➤ Miti minister urges parties to assist halal MSMEs, many of whom are micro-businesses operating in the F&B sector

■ BY **JUNE MOH**  
 sunbiz@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Malaysia's halal industry is a key feature of the National Recovery Plan (NRP) with the recovery of the industry being paramount to the resilience of the overall Muslim-majority national economy.

The NRP focuses on four phases that aim at reopening the economy by end of the year.


Minister of International Trade and Industry Malaysia and senior minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (*pix*) said the halal food and beverages industry alone is estimated to be worth US\$2.1 trillion (RM8.71 trillion), while the halal cosmetics and the halal pharmaceuticals industries are collectively worth US\$136 billion.

"There are immense opportunities in these halal industries not only in terms of business but more importantly, catering to the sufficiency of a nation," said Azmin, who delivered the keynote address for the World Halal Business Conference 2021 (WHBC 2021) yesterday on behalf of Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

He called for proactiveness in helping the halal micro, small and medium enterprises (MSMEs), who account for 70% of total halal industry players, many of whom are micro-businesses operating in the food and beverage sector.

Earlier, the prime minister officiated the virtual WHBC 2021 organised by the Halal Development Corp (HDC). The WHBC 2021 is a rebrand of the World Halal Forum.

Azmin, in delivering the prime minister's speech, said given the current global economic recovery process, halal can play



an important role and be a catalyst through its various value propositions. He said the conference demonstrates the firm commitment and reliance of all stakeholders that the halal economy remains resilient and becoming a strong contributor to the global economic recovery.

The prime minister also launched the Halal Integrated Platform (HIP), a one-stop digital halal platform that connects industry players, especially among MSMEs to government agencies, businesses and consumers within the entire halal ecosystem. HIP gathers halal service providers and suppliers on one platform and facilitates worldwide connections and communication between the industry players, thus giving businesses a competitive edge to tap into this growing industry.

"The pandemic has also exposed vulnerabilities in the halal industry, particularly amongst the MSMEs. Players therefore must be quick to adopt digital solutions in the fast-changing technological landscape in order to stay ahead of the curve and compete globally."

He cited Malaysia International Islamic Finance Centre which made reference on the importance of the halal industry and the Islamic finance sector to work hand-in-hand to create a fully halal economy to produce a holistic end-to-end syariah-compliance economy.

"With Malaysia being the only country

with a complete and comprehensive ecosystem that has the capacity and know-how to support further developments within the halal industry, the strategies undertaken by HDC are expected to exponentially increase the number of local MSMEs as halal exporters through its Trusted Halal Business platforms that encourage public-private cooperation, including the WHBC and the HIP."

Bank Negara Malaysia deputy governor Datuk Abdul Rasheed Ghaffour remarked that the prospect of the global halal economy is huge as the global consumption of halal goods and services is expected to grow at 3.5% annually to reach US\$2.4 trillion by 2024, largely driven by the fast-growing Muslim population.

"These global trends on halal economy present an excellent narrative with enormous prospects for Malaysia, given our forefront position in the global halal economy. Our domestic halal market is currently valued at RM300 billion, contributing 7% of the country's GDP. This figure is projected to grow further to RM400 billion, to account for 11% of GDP by 2030," he said.

The WHBC 2021 also announced its collaboration with Taiwan External Trade Development Council, African Institute of Islamic Finance, Haskell, and Malaysia Airlines Bhd towards a robust growth of a global halal economy in terms of business activities promotion, knowledge sharing, market intelligence and halal trade matters.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **10 September 2021**

Akhbar	:	EdgeProp.my
Tajuk Berita	:	Kuala Langat North Forest Reserve degazettement reduced to 42ha
Muka Surat	:	3

## **Kuala Langat North Forest Reserve degazettement reduced to 42ha**



Only 42ha (104 acres) out of the total 536.6 ha (1,326 acres) of the Kuala Langat North Forest Reserve (KLNFR) will remain degazetted, said Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

Amirudin said the move was to facilitate ownership to Kampung Orang Asli Busut Baru to resolve issues that have been pending since 2006 when they were relocated from their original settlements in 1994 to make way for the Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

Amirudin said the state government would also consider a small portion of the areas in

KLNFR which would remain degazetted for the purpose of the East Coast Rail Link (ECRL) project.

“The state government will stop the proposed development plan on the area and cancel the land ownership to the company involved. In relation to that, the Selangor government will start the process to re-gazette the KLNFR,” he said in a statement on Sept 8.

Earlier on Aug 30, the Selangor government approved the proposal to degazette some 536.6 ha of the KLNFR for the land to be used for a mixed development.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**9 September 2021**

Akhbar	:	Traxx FM (90.3)
Tajuk Berita	:	Hanya 42 Hektar Kawasan HSKLU Kekal Dinyahwarta
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**9 September 2021**

Akhbar	:	Traxx FM (90.3)
Tajuk Berita	:	Hanya 42 Hektar Kawasan HSKLU Kekal Dinyahwarta
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 September 2021</b>		
Akhbar	:	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	:	Selangor Executive Council decided to re-gazette the Kuala Langat forest reserve
Muka Surat	:	20

## 雪行政會議議決 瓜冷保留地重納入憲報

(沙亚南8日讯) 峰回路转! 雪州瓜冷北部森林保留地从宪报中撤除一事, 引起外界接连挞伐后, 雪州行政会议今日开会拍板定案, 会重新将该保留地纳入宪报中, 惟只有少部分地段依旧会保留给原住民村及作为兴建东海岸铁路计划 (ECRL) 路线用途。

雪州大臣拿督斯里阿米鲁丁今日傍晚发文告指出, 州政府于今日召开行政会议后决议原本已撤除宪报地位的瓜冷北部森林保留地, 重新纳入进宪报中。

不过, 他披露, 已被撤除宪报中的1326英亩保留地, 当中会有104英亩依旧保留给新武述村, 以解决该原住民村于2006年因兴建吉隆坡国际机场而被迫迁离原来的住处。

### 拟撤小部分地段建东铁

他说, 州政府考虑将撤除宪报中的小部分地段, 作为兴建东海岸铁路计划路线。

“州政府也决议暂停该保留地的发展计划, 并取消相关公司的土地使用权。”

阿米鲁丁表示, 对于早前取代纳入宪报的另1434英亩地段, 即双溪班让、旧古毛和茅草山的地段, 并不会特别撤除宪报地位, 反而会持续归类为永久保留森林。

### 将召开听证会回应疑问

不过, 他重申, 州政府之前都有按程序, 以法律依据撤除宪报。

“作为负责任的政府, 州政府将会致函给雪州议会议长, 以召开雪州能力、公信力及透明特别遴选委员会主持的听证会, 以回应之前撤除宪报过程中所有的疑问和课题。”



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**10 September 2021**

Akhbar	:	Guang Ming Daily
Tajuk Berita	:	Elizabeth Wong praises Selangor government over wise decision to listen to the society's voice to protect forest reserves
Muka Surat	:	4

**聆聽社會心聲保森林地**  
**黃潔冰讚雪政府明智**

(沙亚南9日讯)雪州大臣拿督斯里阿米鲁丁及行政议员团队决议，重新将撤除宪报地位的瓜冷北部森林保留地，纳入回宪报一事，雪州议会后座议员俱乐部主席黄洁冰就此赞扬雪州政府作出的明智决议，聆听了社会的声音。

也是武吉栏樟州议员的她今日发文告说，对于州政府上述的决定，显示出州政府爱护环境，勇于聆听领袖、非政府环境组织、人民代议士和人民的心声。

同时，她也欢迎公正党主席拿督斯里安华和雪州希盟理事会，在任何时候给予关怀的建议。

黄洁冰披露，社会也赞赏州政府继续维持另外1436英亩保留地的宪报地位，而且还将部分地

段保留给新武述村原住民。

“州政府所做的决定，也显示出我国正迈向进步，所以为了人民福祉，任何决定或程序，更应该鼓励有民主的参与。”

她指出，雪州很幸运有规定任何森林保留地若要撤除宪报，就必须召开公共听证会，因此其希望这项规定能纳入1984年国家森林法令，以保护我国森林保留地，避免因经济因素而被影响。(TSI)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 September 2021</b>		
Akhbar	:	Guang Ming Daily
Tajuk Berita	:	Pasar booths closed; DAP Sekinchan service team withdraws as NRP is now in stage 2
Muka Surat	:	4



■黄瑞林（前中者）说适耕庄行动党服务团队结束101天的巴刹站岗行动，并感谢这些前线人员的付出。

## 晉復甦次階 停站崗巴刹 適耕莊火箭服務隊退役

（适耕庄9日讯）随著联邦政府宣布，隆雪与布城将从9月10日开始，迈入国家复苏计划第二阶段，适耕庄民主行动党服务团队超过3个月，共101天的巴刹站岗行动也在今日正式划下句点。

雪州议长兼适耕庄区州议员黄瑞林说，自雪州于6月1日进入国家复苏计划第一阶段后，其服

务团队就重启巴刹站岗行动，由各村管理委员会、支部领袖、县议员及服务中心职员，每日轮流管理巴刹入口处。

他披露，去年落实行管令期间，适耕庄行动党服务团队，也曾义务站岗巴刹超过3个月，监督巴刹顾客测量体温和登记。

黄瑞林今日巡视适耕庄民主行

动党的巴刹站岗行动后，如此表示；并再次感谢其团队在过去的101天风雨无阻，轮流守候适耕庄巴刹。

他说，随著隆雪区开放跨县，并落实较宽松的行动管理政策，再次提醒大家不能掉以轻心，必须严格遵守防疫SOP，才能照顾自己和保护家人，因为疫情尚未结束。

黄瑞林不讳言，随著游子陆续回乡和游客逐渐复苏，渔米之乡将慢慢热闹起来，这也让许多人担心，会否再次爆发感染群。

（TSI）